



SIARAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

16 SEPTEMBER 2019

OPERASI PEMBENIHAN AWAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Jabatan Meteorologi Malaysia dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Tentera Udara Diraja Malaysia telah melaksanakan Operasi Pembenhian Awan (OPA) di Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka pada tengah hari 16 September 2019.

Pesawat TUDM telah bertolak dari Pangkalan Udara Subang pada kira-kira jam 12.30 tengahari menuju kawasan-kawasan fokus operasi pembenhian awan. Sukacita dimaklumkan bahawa operasi pembenhian awan yang dilaksanakan pada hari ini berjaya membuahkan hasil.

Hujan dilaporkan di Cheras, Bangsar, Petaling, Kuala Selangor, Hulu Langat, Klang, Gombak, Seremban, Tampin, Jelebu, Alor Gajah dan Jasin walaupun tidak menyeluruh seperti yang dijangka. Kami juga difahamkan bahawa krew juga mengalami kekangan dari segi masalah *Air Space Clearance* memandangkan aliran trafik udara yang sibuk.

Pasukan OPA telah mendarat semula di Pangkalan Udara Subang pada jam 3.05 petang.

Sumber:

Ketua Pengarah

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

**Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim
(MESTECC)**

16 SEPTEMBER 2019



www.met.gov.my



myCuaca



[metmalaysia](https://www.instagram.com/metmalaysia)

RakanMET rakanmet.met.gov.my



mygempa.met.gov.my



[@malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet)



[@malaysianmet](https://twitter.com/malaysianmet)



1-300-22-1638